

19/1/2018 p. 5

Import benih padi kena ikut prosedur

KUALA LUMPUR 18 Jan.

- Setiap benih padi yang diimport dari luar negara seharusnya mengikut prosedur iaitu melepasi pensijilan yang sah daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Pensyarah Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohd. Razi Ismail (**gambar**) berkata, ia bertujuan mengelakkan industri padi di negara ini terkesan dengan penularan wabak penyakit baharu yang dibawa oleh benih padi dari luar negara berkenaan.



“Kalau nak bawa masuk, kenalah ikut garis yang telah ditetapkan kerajaan iaitu melepasi pemeriksaan serta kuarantin. Selain Jabatan Pertanian, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) juga menekankan perkara yang serupa.

“Kita sebagai penyelidik pun turut melalui proses yang ketat untuk membuat kajian berkenaan benih serta tumbuhan seperti ini, jadi mereka yang berkaitan juga wajar mengikut langkah sama. Jika mereka ingkar, mungkin mereka boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Kluster Pertanian dan Makanan Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Dr. Ghizan Saleh berkata, benih padi yang dibawa masuk atau dibawa keluar dari negara ini seharusnya melepasi proses Fitosanitari bagi mengelakkan tanaman padi lain terdedah dengan pelbagai penyakit.